

88

NO SOALAN : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,**  
**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BHRIN**  
**SHAH BIN RAJA AHMAD**  
**(KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH : 21.11.17**  
**(SELASA)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan persediaan angkatan tentera Malaysia yang berada di Arab Saudi untuk menyelamatkan rakyat Malaysia di Yaman di mana keadaan di sana makin buruk.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Trup Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Arab Saudi sentiasa bersedia untuk melaksanakan misi tunggalnya (*sole mission*), iaitu evakuasi sejumlah rakyat Malaysia yang kini berada di Yaman jika keadaan keselamatan di negara berkenaan bertambah buruk.

Trup ini terdiri daripada 31 orang pegawai, 58 orang anggota lain-lain pangkat dan dua buah Pesawat Pengangkut C130 Tentera Udara DiRaja Malaysia. Latihan evakuasi dan juga latihan-latihan yang berkaitan kerap dilaksanakan oleh trup ini di lokasi hadapan agar ianya dapat mempertingkatkan tahap pengoperasian secara menyeluruh untuk mencapai misi tunggalnya.